

13 MAY 2001

Mahathir-Castro (Bergambar)

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PRESIDEN FIDEL CASTRO

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjunginya Presiden Cuba Fidel Castro untuk mengucapkan selamat jalan kepada presiden itu yang menamatkan lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Dr Mahathir tiba di Presidential Suite, Hotel Renaissance pada pukul 9.15 pagi dan meluangkan masa kira-kira 30 minit bersama Castro sebelum mengiringi pemimpin berusia 74 tahun itu ke Dewan Bunga Raya Hall di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Castro tiba Khamis lepas untuk lawatan negara selama tiga hari atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sebelum lawatan ke Malaysia, Castro melawat Algeria dan Iran dan beliau akan menuju ke Doha, Qatar hari ini.

Malam tadi, Dr Mahathir meraikan pemimpin Cuba itu pada jamuan peribadi di kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

Sempena lawatan itu, Castro mengadakan mesyuarat dua hala dengan Dr Mahathir diikuti mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara.

Malaysia dan Cuba juga menandatangani perjanjian ekonomi, teknikal dan saintifik bagi meningkatkan hubungan dua hala.

Castro turut menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan melawat bangunan berkembar tertinggi di dunia, Menara Berkembar Petronas.

Selain itu, Castro juga menghadiri majlis jamuan negara oleh Sultan Salahuddin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah.

-- BERNAMA

AT RV LAT